

T. Razaleigh kalah tak jejaskan kemajuan di Kelantan

KOTA BHARU, Jumaat — Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamed Yaacob berkata, kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan Timbalan Presiden UMNO bulan Jun lalu, tidak mungkin akan menjejaskan segala program pembangunan di negeri ini.

Beliau berkata, segala pembangunan yang dirancangan akan terus dilaksanakan, terutama di kawasan Ulu Kelantan dan pembangunan Bandar Baru Gua Musang.

Beliau berkata demikian dalam majlis dialog dengan wakil-wakil akhbar dan pegawai perhubungan jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Encik Ariffin Said dan Setiausaha Kerajaan Kelantan, Datuk Wan Mohamed Yusoff.

Datuk Haji Mohamed berkata, pelaksanaan pembangunan bandar Gua Musang berjalan lancar dan kerja-kerja mengukur dan menyukat sedang dijalankan sekarang.

Jurutera

Menurutnya, Jabatan Perdana Menteri mengarahkan supaya KESEDAR melantik sebuah jawatankuasa khas bagi mengendalikan pelaksanaan projek tersebut.

"Kita memerlukan sekurang-kurangnya lapan orang jurutera dan Kerajaan Pusat telahpun berusaha untuk mendapatkannya sama ada dari dalam dan luar negeri," kata Datuk Haji

Mohamed.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat telah menghantar seorang pakar untuk membuat kajian dan perakuan yang boleh menjadi panduan kepada KESEDAR untuk melaksanakan projek itu dengan baik dan berkesan.

Mengenai kekurangan tenaga buruh untuk bekerja di Kelantan, Datuk Haji Mohamed berkata, Kerajaan Negeri akan memanggil pulang rakyat Kelantan yang berada di luar negeri untuk bekerja di negeri ini.

Beliau berkata, Ladang Sungai Terah memerlukan beratus pekerja yang kebanyakannya di bahagian buruh kasar.

Taklimat

Mengenai sektor perkilangan pula, satu rombongan pelabur luar akan datang ke Kelantan bagi meninjau potensi pelaburan di negeri ini dan beliau sendiri akan menyampaikan taklimat kepada mereka itu.

Katanya, Perbadanan Kemajuan Iktis Negeri Kelantan (PKINK) telah mendirikan 12 buah kilang di Pengkalan Chepa dan tujuh buah darinya telah dibeli oleh pengusaha luar, manakala yang bakinya masih dalam pertimbangan.

Datuk Haji Mohamed memberitahu, Syarikat Kota Baru Italasia telah ditutup dan hartanya akan dilelong oleh Arab Malaysia Bank bagi menjelaskan hutangnya kira-kira \$2 juta.

"PKINK sendiri akan mengambil kilang kasut untuk dijual kepada mana-mana pihak yang mendirikan kilang dan setakat ini berbagai usaha telah dibuat, tetapi belum mendapat hasil yang memuaskan," tambah beliau.

Kesempatan

Beliau memberitahu, Kilang ITR dekat Lundang di sini juga sekarang ini memerlukan kira-kira 100 orang buruh dan beliau menyeru rakyat negeri ini mengambil kesempatan itu.

Menyentuh tentang kelab malam, Menteri Besar menerangkan Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pejabat Jajahan Kota Bharu mengambil tindakan menyaman mana-mana pengusaha kelab malam haram di bandar ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberi lesen kepada pengusaha itu kerana ia bertentangan dengan kehendak masyarakat negeri ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia